

SULIT
3766/2
PERNIAGAAN
Kertas 2
Ogos 2019
2 jam 15 minit

3766/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2019

PERNIAGAAN

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
- 2 *Jawab lima soalan di Bahagian A, dua soalan di Bahagian B dan satu soalan wajib di Bahagian C.*
- 3 *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas kjang yang disediakan.*
- 4 *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Gambar 1 berkaitan dengan perniagaan milik Encik Nazman.




Gambar 1

Jelaskan **dua** kelebihan dan dua kekurangan bentuk pemilikan perniagaan Encik Nazman.

[4 markah]

- (b) Rajah 1 menunjukkan skala perniagaan.



Rajah 1

Huraikan X.

[3 markah]

- (c) Puan Kasthoori mengusahakan sebuah perniagaan agensi pelancongan bersaiz sederhana.

(i) Apakah sektor perniagaan yang diceburi oleh Puan Kasthoori? [1 markah]

(ii) Mengapakah perniagaan Puan Kasthoori diklasifikasikan sebagai perniagaan bersaiz sederhana? [2 markah]

- 2 (a) Logo 1 berkaitan dengan sebuah agensi yang terlibat dalam aspek perkembangan aktiviti perniagaan.



Logo 1


Bagaimanakah agensi tersebut membantu usahawan Malaysia? [4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Syarikat Tekstil Gold Sdn. Bhd. mengadakan sesi temu duga terhadap dua orang calon yang berkelayakan untuk mengisi satu kekosongan jawatan Pengurus Pemasaran. Mereka ialah Encik Sudirman, Penyelia Operasi bagi syarikat berkenaan yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan Puan Ruminah yang merupakan bekas ejen pemasaran sebuah syarikat telekomunikasi selama 5 tahun. Setelah mengadakan perbincangan, pihak ALP bersetuju memilih Encik Sudirman untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan tindakan ALP tersebut? [6 markah]

- 3 (a) Terangkan faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan. [6 markah]
- (b) Gambar 2 menunjukkan aktiviti yang berlaku dalam satu bahagian fungsian.



Gambar 2

Terangkan peranan bahagian fungsian tersebut. [4 markah]

- 4 (a) Nyatakan maksud bagi elemen-elemen dalam proses komunikasi seperti berikut:
- (i) Enkod [1 markah]
 - (ii) Dekod [1 markah]
- (b) Pengurusan sumber manusia merupakan usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi untuk menarik, membangun dan mengekalkan tenaga pekerja yang berprestasi tinggi.
- Jelaskan kepentingan usaha tersebut kepada perniagaan. [2 markah]
- (c) Gambar 3 menunjukkan sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi sebuah perniagaan.



Gambar 3

Huraikan sumber fizikal tersebut. [6 markah]

- 5 (a) Pernyataan berikut berkaitan dengan satu gaya pengurusan.

Puan Jenifer seorang pengurus yang kerap memaksa pekerja mematuhi arahnya. Beliau akan menggunakan kuasa mutlak dan enggan menerima pandangan orang lain. Tidakan disiplin akan diambil terhadap pekerja yang tidak akur terhadap arahan beliau.

Jelaskan kelemahan gaya pengurusan tersebut kepada pekerja. [3 markah]

- (b) Kenal pasti jenis sumber pembiayaan yang sesuai bagi setiap pernyataan berikut:
- (i) Encik Wong telah mendapat kelulusan daripada pihak bank untuk menggunakan wang melebihi baki di dalam akaun semasa syarikatnya. [1 markah]
 - (ii) Puan Anzalna telah mendapat pinjaman dengan meletakkan emasnya sebagai jaminan. [1 markah]
 - (iii) Syarikat Alaf Interaktif Sdn. Bhd. telah menjual invoice pelanggannya kepada institusi kewangan untuk memperolehi pembiayaan tunai. [1 markah]
- (c) Jelaskan prosedur permohonan pembiayaan yang perlu dipatuhi untuk mohon pinjaman? [4 markah]

- 6 (a) Jelaskan keberuntungan perniagaan sebagai satu peluang kerjaya. [2 markah]
- (b) Gambar 4 menunjukkan dua jenis pemilikan perniagaan.



Gambar 4

Bandingkan proses pendaftaran bagi pemilikan perniagaan tersebut? [5 markah]


- (c) Huraikan rekod perniagaan yang perlu disimpan dalam sebuah perniagaan? [3 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 7 (a) Carta 1 menunjukkan trend perniagaan Syarikat Minuman Jati Sdn. Bhd. bagi tempoh 5 tahun.



Carta 1

Jelaskan tindakan syarikat yang menyebabkan berlakunya perubahan positif terhadap trend perniagaan tersebut. [6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan matlamat sebuah syarikat.

Syarikat Penternakan Kambing Segar telah mendapatkan pembiayaan berjumlah RM550 000 untuk mempelbagaikan produk kesihatan dan kecantikan berasaskan susu kambing. Hal ini seiring dengan amalan masyarakat Malaysia yang menitikberatkan kecantikan dan kesihatan. Justeru, syarikat telah mengambil tiga orang pakar dalam bidang penyelidikan dan membeli mesin pemerah susu kambing bagi menggantikan kaedah mengepam susu kambing secara konvensional.

Huraikan faktor tersebut.

[9 markah]

- 8 (a) Maklumat berikut menunjukkan nisbah asas bagi dua buah syarikat pengeluaran alat ganti komputer.

Analisis Nisbah dalam tempoh setahun	Nama Syarikat	
	Multicorp Sdn. Bhd.	Vaganza Sdn. Bhd.
Peratusan margin untung bersih	35.5%	29.9%
Peratusan pulangan atas modal	20.3%	16.5%
Pusing ganti stok	1.2 kali	2.5 kali
Pusing ganti aset	0.89 kali	0.68 kali
Nisbah semasa	9.3 : 1	11.8 : 1

Syarikat manakah yang sesuai dipilih untuk tujuan pelaburan?
Kemukakan alasan.

[7 markah]

- (b) Terangkan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada usahawan.
[8 markah]
- 9 (a) Sesebuah perniagaan perlu mempunyai standard dan prosedur tertentu dalam menguruskan sumber fizikal.

Jelaskan implikasi sekiranya perniagaan tidak melaksanakan prosedur tersebut.


[5 markah]

- (b) Maklumat berikut merupakan aktiviti pemasaran dan jualan bagi sejenis produk.

Encik Alias merupakan seorang usahawan dalam bidang produk sejuk beku. Pada peringkat awal perniagaan, produknya kurang mendapat sambutan. Bagi mengatasi masalah tersebut, beliau bercadang untuk menjalankan kaedah promosi untuk meningkatkan jualan.

Terangkan kaedah promosi yang boleh dilakukan oleh Encik Alias. [6 markah]

- (c) Gambar 5 menunjukkan satu faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.



Gambar 5

Bezakan stok tersebut.

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 10 Kite's Food Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran biskut pelbagai perasa yang beroperasi di Nilai, Negeri Sembilan yang diasaskan oleh Puan Maria Kite. Syarikat ini telah beroperasi selama sembilan tahun dan jualan tahunan bagi tahun 2018 merupakan yang tertinggi kerana kejayaan dalam pengurusan strategi pemasaran. Berikut adalah sebahagian petikan penyata kewangan bagi Kite's Food Berhad untuk tahun 2018.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018		
	RM	RM
Jualan	580 000	
Tolak: Pulangan Jualan	<u>5 000</u>	
Jualan Bersih		575 000
<u>Tolak: Kos Jualan</u>		
Inventori awal	70 000	
Tambah: Belian	<u>350 000</u>	
	420 000	
Tolak: Inventori akhir	<u>25 000</u>	
Kos Jualan		<u>395 000</u>
Untung Kasar		<u>180 000</u>

Bagi meningkatkan hasil jualan, Kite's Food Berhad telah meluaskan lagi pasaran ke peringkat global serta telah merancang membuka beberapa pejabat urusan di luar negara seperti Indonesia, Singapore, Thailand dan Taiwan bagi tujuan agihan dan pemantauan pasaran. Semua proses urus niaga dan pengurusan pentadbiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini. Pengarah Urusan Kite's Food Berhad juga telah membentuk struktur pentadbiran yang lebih tersusun bagi memastikan semua peringkat pengurusan dapat dipantau dengan lebih berkesan.

Dengan sasaran matlamat yang telah dirancang, syarikat perlu meluaskan ruang kerja serta membeli mesin pengadun tepung dan ketuhar bagi menampung kapasiti pengeluaran yang akan bertambah. Modal tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM330 000. Ahli Lembaga Pengarah bercadang menerbitkan syer baharu bagi tambahan modal tersebut. Namun, semasa Mesyuarat Agung Tahunan, majoriti pemegang syer telah membuat keputusan agar menggunakan rizab keuntungan perniagaan yang ada.

Berdasarkan kes, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan hak pemegang syer Kite's Food Berhad. [2 markah]
- (b) Berdasarkan kepada penyata pendapatan Kite's Food Berhad:
- (i) Hitung nilai tokokan jualan yang perlu dibuat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan jawapan anda di 10(b)(i). [2 markah]
- (c) Terangkan tujuan penggunaan teknologi maklumat kepada perniagaan Kite's Food Berhad. [6 markah]
- (d) Adakah anda bersetuju dengan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan tersebut? Kemukakan alasan. [4 markah]
- (e) Cadangkan struktur organisasi yang sesuai untuk Kite's Food Berhad. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

